

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Bahagian A

Jawab semua soalan.

3.1

Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- 1 Apakah kuasa asing yang berminat untuk menguasai kekayaan hasil galian berikut di negara kita?

ARAS
R

Bijih timah

- A Siam
B Bugis
C Aceh
D Burma

BT ms. 58

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat tempatan di negara kita.

ARAS
R

Melombong bijih timah

Bilakah kegiatan ekonomi tersebut bermula?

- A Abad ke-12
B Abad ke-13
C Abad ke-14
D Abad ke-15

BT ms. 58

- 3 Apakah kuasa luar yang menaungi negeri Perak pada abad ke-16?

ARAS
R

- A Siam
B British
C Aceh
D Burma

BT ms. 59

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh negeri-negeri Melayu.

ARAS
R

Negeri Y

Menjadikan bijih timah sebagai bahan bernilai untuk mendapatkan perlindungan daripada Portugis.

Apakah negeri Y?

- A Perak C Pahang
B Melaka D Selangor

BT ms. 59

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan kekayaan negeri-negeri Melayu pada abad ke-18.

ARAS
R

Francis Light mengutus surat kepada Gabenor Jeneral British di India berkaitan dengan penghasilan bijih timah.

Berapakah pengeluaran bijih timah di Perak pada setiap tahun?

- A 50 pikul
B 500 pikul
C 550 pikul
D 5 000 pikul

BT ms. 59

- 6 Menjelang akhir abad ke-18, aktiviti perlombongan bijih timah di Perak mengalami kemerosotan. Mengapakah situasi tersebut berlaku?

ARAS
S

- A Serangan oleh tentera Siam
B Aktiviti penyeludupan bijih timah
C Persaingan dari negara luar
D Pengeluaran bijih timah yang berlebihan

BT ms. 59

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan perlombongan bijih timah di Perak pada abad ke-19.

ARAS
S

Sultan Ismail telah memajukan kawasan perlombongan baharu di Lembah Kinta sehingga menyebabkan kemunculan bandar baharu.

Apakah bandar baharu yang dimaksudkan?

- I Pangkalan Peguh
II Bukit Gantang
III Klian Pauh
IV Papan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 60

3.2

Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

- 8 Gambar berikut menunjukkan rumah api yang telah diserang pada tahun 1874.

ARAS
R



Rumah api tersebut terletak di

- A Negeri Sembilan
B Selangor
C Pahang
D Kedah

BT ms. 68

- 9 Apakah peristiwa yang memberikan peluang kepada British untuk campur tangan di Pahang?

ARAS
S

- A Kematian warga Amerika Syarikat di Pahang
B Kematian Goh Hui yang berbangsa Cina
C Kes kecurian oleh wakil British
D Stamford Raffles dibunuh di Pahang

BT ms. 69

- 10 Gambar berikut menunjukkan perjanjian telah dimeterai antara Gabenor Negeri-negeri Selat dengan pembesar Melayu di Kapal HMS Pluto.



- Apakah perjanjian tersebut?
- A Perjanjian Pangkor 1874
B Perjanjian British-Pahang 1887
C Perjanjian British-Selangor 1875
D Perjanjian British-Sungai Ujong 1874

BTms. 70

- 11 Maklumat berikut menerangkan tindakan yang dilakukan oleh pentadbiran British.

Tokoh P
Dilantik sebagai Residen British yang pertama di Selangor.

- Tokoh P ialah
- A J.P. Rodger
B Martin Lister
C Hugh Clifford
D J.G. Davidson

BTms. 72

- 12 Apakah ciri-ciri Sistem Residen yang diamalkan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang?

- I Kedudukan sultan dan pembesar negeri dikekalkan
II Sultan dan pembesar kehilangan kuasa memungut cukai
III Residen Konsular merupakan ketua pentadbir
IV Gabenor Jeneral mengambil alih pentadbiran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BTms. 73

- 13 Andaikan anda hidup di bawah pentadbiran British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan tertakluk kepada Ordinan Mencegah Jenayah 1880.

- Apakah kesalahan yang membawa kepada hukuman penjara selama empat bulan?
- A Menerima rasuah
B Memiliki barang curi
C Menderhaka kepada Residen
D Membuka tanah tanpa kebenaran Residen

BTms. 73

3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- 14 Apakah ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- I Kedudukan sultan dikekalkan
II Raja-raja Melayu mempunyai kuasa memungut cukai
III Gabungan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
IV Residen Jeneral sebagai ketua pentadbiran kerajaan persekutuan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BTms. 74

- 15 Maklumat berikut menunjukkan beban kewangan di negeri Pahang.

Tahun	Hasil	Belanja
1894	100 220.43	207 514.27
1895	106 743.80	231 913.90

Apakah kesan hal tersebut terhadap negeri Pahang?

- A Pembesar Pahang kehilangan kuasa
B Residen menjadi semakin berkuasa
C Ekonomi Pahang menjadi tidak seimbang
D Perak, Selangor, Negeri Sembilan membantu mengurangkan beban kewangan Pahang

BTms. 75

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Siapakah X?

- A Residen
B Residen Jeneral
C Gabenor Jeneral
D Residen Konsular

BTms. 75

3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan struktur pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Apakah X?

- A Sultan
B Gabenor Jeneral
C Queen of Elizabeth
D Pesuruhjaya Tinggi British

BTms. 76

- 18 Tokoh berikut pernah berkhidmat di Negeri-negeri Melayu dari tahun 1896 hingga tahun 1900.

Frank Swettenham

Apakah jawatan beliau pada ketika itu?

- A Residen Jeneral
B Residen Konsular
C Gabenor Jeneral British
D Pesuruhjaya Tinggi British

BTms. 76

19 Majlis Mesyuarat Persekutuan telah ditubuhkan pada tahun 1909.

ARAS
R

Berapakah bilangan ahli tidak rasmi yang menganggotai majlis tersebut?

- A Dua orang
- B Tiga orang
- C Empat orang
- D Lima orang

BT ms. 77

20 Maklumat berikut merujuk peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu.

ARAS
T



Siapakah ahli Durbar?

- I Residen Jeneral
- II Gabenor Jeneral
- III Pembesar Melayu
- IV Pesuruhjaya Tinggi British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BT ms. 77